

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status penyediaan *National Agrofood Policy 2021-2030*. Apakah usaha Kementerian meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan *aquaculture* di Sabah dan nyatakan hatcheries bagi spesis makanan laut seperti *sea bass*, kerapu, timun laut, rumput laut, *abalone* dan tiram di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) atau dengan izin, *National Agrofood Policy 2021-2030* merupakan dasar baharu yang akan menjadi sumber rujukan dan panduan utama kepada semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri untuk membangunkan sektor agromakanan bagi tempoh 10 tahun akan datang. DAN 2.0 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 11 Ogos 2021 dan dilancarkan secara rasmi pada 25 Oktober 2021 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Di bawah DAN 2.0, sektor perikanan dan akuakultur merupakan salah satu tumpuan utama yang akan diberikan penekanan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan nelayan serta penternak akuakultur. Dalam hal ini, Kementerian bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Sabah telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran hasil perikanan di Sabah termasuk melalui akuakultur marin seperti berikut:

- a) mewujudkan projek-projek baharu dengan meningkatkan keupayaan ladang ternakan;
- b) memberi bimbingan dan latihan kepada para pengusaha akuakultur marin khususnya pengusaha berskala kecil tentang kaedah pengurusan projek yang lebih cekap dan pengetahuan teknikal serta menggalakan penggunaan amalan ternakan secara intensif dan bersepadu;
- c) menjalankan aktiviti akuakultur marin secara sektoral melalui pengezonan;
- d) menggiatkan aktiviti penternakan akuakultur daripada sara diri (skala kecil) kepada skala lebih ekonomik (komersial);

SOALAN NO: 20

- e) menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk aktiviti penternakan akuakultur; dan
- f) mempergiat penggunaan sistem berteknologi yang memberi impak yang lebih baik.

Dari segi hatcheri, Pusat Pembenihan Ikan Marin Sabah di bawah Jabatan Perikanan Sabah yang terletak di Tg. Badak, Tuaran adalah satu satunya hatcheri marin yang berperanan:

- a) melaksana dan menyelaras program dan aktiviti pembenihan ikan marin di Negeri Sabah;
- b) menyediakan dan menyelaras perkhidmatan sokongan teknikal kepada pengusaha-pengusaha hatcheri marin; dan
- c) merancang, melaksana dan menyelaras program dan aktiviti pembangunan modal insan kepada pengusaha dan bakal pengusaha hatcheri marin.

Aktiviti pembenihan yang dijalankan di pusat pembenihan ini termasuk spesies ikan siakap, kerapu hibrid, timun laut, ketam dan abalon.

Selain hatcheri Jabatan Perikanan Sabah, terdapat 24 hatcheri swasta di Sabah yang menjalankan pembenihan ikan / udang / ketam seperti Akuajaya Enterprise, Borneo Marine Grouper Sdn. Bhd., Better Prospects Sdn. Bhd., Ocean Supplies Enterprise, Borneo Scabra dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.